

# KENYATAAN MEDIA

*Untuk siaran segera*

## CIDB SAMBUT BAIK BAJET 2024

*Sedia banyak peluang kerja pembinaan untuk kontraktor kecil dan sederhana*

**KUALA LUMPUR (18 OKT 2023)** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menyambut baik bajet 2024 yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim merangkap Menteri Kewangan pada Jumaat yang lalu.

Bajet tersebut memperuntukkan sebanyak RM72.7 bilion untuk pelaksanaan kerja-kerja pembinaan Kerajaan. Projek-projek tersebut kebanyakannya meliputi projek-projek penyelenggaraan dan baik pulih sekolah, kuarters, jalan persekutuan, tandas-tandas awam serta parit dan longkang. Projek-projek ini akan membuka peluang kerja-kerja pembinaan untuk kontraktor-kontraktor kecil dan sederhana (G1 hingga G4) dan merancakkan lagi industri pembinaan negara.

“CIDB bersedia menyokong aspirasi Kerajaan dalam bajet yang bertemakan Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat dengan menyediakan peluang-peluang latihan kompetensi kemahiran pembinaan kepada kontraktor, personel binaan dan belia secara percuma!” kata Dato' Sr Mohd Zaid Zakaria, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

“Pelaksanaan projek-projek ini secara berkesan memerlukan kontraktor serta personel binaan yang mahir dan juga mempunyai kompetensi yang diiktiraf. Oleh yang demikian, CIDB akan menyediakan latihan-latihan kemahiran yang diperlukan untuk pelaksanaan projek-projek yang tersenarai di dalam Bajet 2024. CIDB turut

melaksanakan latihan pengurusan projek dan kewangan untuk para kontraktor,” katanya.

Sejak tahun 2000, CIDB telah melatih lebih daripada 400,000 pekerja mahir pembinaan di dalam pelbagai bidang yang amat diperlukan industri dan seramai 99,000 penyertaan bagi Kursus Pengurusan Kontraktor dicatatkan sejak 2014. Pada tahun 2022 CIDB telah membelanjakan hampir RM30 juta untuk Latihan belia dan Personel Binaan dan seramai 3742 Belia dan 5178 Personel Binaan telah mengikuti Latihan kemahiran yang dijalankan oleh CIDB Malaysia.

CIDB amat berbesar hati dengan peruntukan sebanyak RM10 juta oleh Kerajaan bagi melaksanakan Program PEKA (Peluang Kedua Anda) TVET, iaitu program yang menyediakan peluang pekerjaan kepada para pesalah yang akan mengakhiri tempoh hukuman. “CIDB bersedia dalam melaksanakan inisiatif ini yang mendokong salah satu prinsip-prinsip utama MADANI iaitu mendorong kepelbagaian dan inklusiviti dalam tenaga kerja yang melibatkan masyarakat tempatan dalam projek pembinaan,” kata Dato’ Sr Mohd Zaid Zakaria.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi CIDB Careline di talian 03-5567 3300.

---

### **Mengenai CIDB Malaysia**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada professionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---